



**KERAJAAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**PEKELILING PEJABAT KEWANGAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
BILANGAN 2 TAHUN 2020**

GARIS PANDUAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2020

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan Pegawai Pengawal mengenai perkara-perkara penting dan tatacara kewangan yang perlu diberi perhatian dalam pengurusan Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2020 di Jabatan masing-masing.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan Negeri akan memastikan negeri ini terus berdaya saing di bawah Pentadbiran baharu melalui plan pembangunan yang terancang dan menyeluruh. Sehingga 31 Disember 2019, sebanyak **RM383.22 juta** telah dibelanjakan daripada keseluruhan peruntukan pembangunan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) berjumlah **RM700 juta**. Peruntukan Belanjawan Pembangunan Negeri Sembilan Tahun 2020 yang merupakan tahun terakhir pelaksanaan RMKe-11, adalah sebanyak **RM101.20 juta** yang diagihkan kepada sektor seperti berikut:

- | | | |
|------|--------------------------------|------------------|
| i. | Pembangunan Sosial | - RM 41.24 juta; |
| ii. | Kemudahan Infrastruktur | - RM 20.87 juta; |
| iii. | Pentadbiran | - RM 11.78 juta; |
| iv. | Pertanian | - RM 13.29 juta; |

- v. **Kerohanian** - RM 7.91 juta; dan
- vi. **Pelancongan** - RM 6.11 juta.

3. Belanjawan ini merupakan suatu bentuk pelaburan jangka panjang untuk **Melestari Ekonomi, Mensejahtera Rakyat**, dan dirancang secara inklusif untuk semua kumpulan sasar agar dapat menghasilkan impak berterusan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negeri, seterusnya memberi manfaat dan nilai tambah secara langsung kepada rakyat Negeri Sembilan.

4. Tahun 2020 juga merupakan tahun pertama Kerajaan Negeri melihat dan menerima hasil serta *outcome* yang telah digariskan dalam Belanjawan Negeri Sembilan Tahun 2019. Antaranya ialah pelaksanaan sistem e-Doket dan e-Strata, penguatkuasaan dan pemutihan tunggakan cukai tanah, pajakan tanah rizab di bawah Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), kawalan pemberian premium nominal dan lesen struktur atas badan air.

5. Selaras dengan pendekatan mengutamakan projek pembangunan yang menjurus ke arah **Mensejahtera Rakyat**, Pegawai Pengawal berdasarkan bidang kuasanya hendaklah:

- 5.1 memastikan peruntukan pembangunan tahun semasa dibelanjakan mengikut belanjawan yang diluluskan;
- 5.2 merancang, mengawal dan melaksanakan semua urusan dokumentasi dan pentadbiran, perolehan kerja sebelum **suku pertama tahun 2020**. Pegawai Pengawal hendaklah menyediakan jadual pelaksanaan (*ganttt chart*) dan kawalan prestasi fizikal / kewangan projek pembangunan;
- 5.3 mengawal dan memastikan peruntukan pembangunan dibelanjakan secara berhemat serta mematuhi tatacara dan peraturan kewangan yang sedang berkuatkuasa;
- 5.4 memastikan semua projek pembangunan disiapkan mengikut jadual berdasarkan tempoh kontrak;
- 5.5 memastikan urusan pelaksanaan dan pembayaran semua projek pembangunan di bawah RMKe-11 diselesaikan sebelum **14 Disember 2020**;
- 5.6 mengemukakan rancangan pelaksanaan dan prestasi perbelanjaan (*ganttt chart*) projek pembangunan tahun 2020 kepada Unit Perancang

Ekonomi Negeri (UPEN) dan Pejabat Kewangan Negeri mengikut format seperti di **Lampiran A**; dan

- 5.7 melaporkan prestasi kemajuan fizikal dan kewangan projek pembangunan dalam Mesyuarat Pemantauan Pelaksanaan Projek Pembangunan Negeri yang diurus setiakan oleh UPEN. Salinan laporan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri.

PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN

Pentadbiran dan Dokumentasi Perolehan

6. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan pelaksanaan projek pembangunan mengikut jadual yang telah dipersetujui bersama dengan UPEN.
7. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan prestasi perbelanjaan sebenar adalah mengikut peratusan kemajuan pelaksanaan projek.
8. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan semua urusan dokumentasi sebutharga / tender dan ringkasan projek pembangunan seperti penyediaan *bill of quantity* (BQ) dan spesifikasi projek diselesaikan sebelum **31 Mac 2020**.

Perolehan Kerja

9. Bagi kerja-kerja *requisition* iaitu kerja-kerja kecil dan pembaikan yang tidak mengubah struktur asal, yang tidak melebihi **jumlah RM20,000.00 setahun**, Pegawai Pengawal boleh melaksanakannya secara lantikan terus dengan menggunakan Jadual Kadar Harga.
10. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan semua perolehan projek pembangunan melalui **kaedah sebutharga (tidak melebihi RM500,000.00)** diselesaikan sebelum **30 September 2020**.
11. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan semua perolehan projek pembangunan melalui **kaedah tender** diselesaikan sebelum **30 Jun 2020**, bagi memastikan pembayaran dapat dilaksanakan pada tahun semasa.
12. Kelulusan Pegawai Kewangan Negeri hendaklah diperolehi terlebih dahulu bagi sebarang permohonan Arahan Perubahan Kerja (APK) dan Kelulusan Kuantiti Kerja Sementara (KKS) yang **melebihi 10%**.

Inden Kerja

13. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan Inden Kerja dikeluarkan sebelum kerja dilaksanakan selaras dengan **Pekeling Perbendaharan (PP) - PK 4.2**.

14. Tarikh akhir pengeluaran Inden Kerja adalah seperti berikut:

- i. **Inden Kerja** - **02 November 2020 (Isnin)** ; dan
- ii. **Pesanan Tempatan** - **30 November 2020 (Isnin)**

15. Permohonan pengecualian pengeluaran Inden Kerja adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

TAMBAH / TUKAR TAJUK DAN PINDAH PERUNTUKAN

16. Pegawai Pengawal diberi kuasa dan dibenarkan untuk membuat Tukar Tajuk atau Pindah Peruntukan, bagi sebarang nilai kos projek, dalam Kod Projek yang sama sahaja, tertakluk kepada peruntukan atau penjimatan sedia ada dalam Kod Projek tersebut.

17. Permohonan Tambah Tajuk selain daripada projek pembangunan yang telah diluluskan adalah tidak dibenarkan.

18. Permohonan Tukar Tajuk atau Pindah Peruntukan di antara Kod Projek, bagi projek pembangunan yang telah diluluskan adalah tidak dibenarkan.

19. Bagi projek pembangunan di mana terdapat keperluan mendesak untuk Tambah / Tukar Tajuk atau Pindah Peruntukan, Pegawai Pengawal hendaklah mendapatkan perakuan daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) terlebih dahulu, dan dikemukakan untuk kelulusan Pejabat Kewangan Negeri sebelum atau pada **30 Jun 2020**.

20. Permohonan Tambah / Tukar Tajuk atau Pindah Peruntukan bagi projek pembangunan dengan anggaran kos projek bernilai **RM500,000.00 dan ke bawah**, perakuan daripada UPEN dan kelulusan Pegawai Kewangan Negeri hendaklah diperolehi terlebih dahulu.

21. Permohonan Tambah / Tukar Tajuk atau Pindah Peruntukan bagi projek pembangunan dengan anggaran kos projek **bernilai RM500,000.01 dan ke atas**, perakuan daripada UPEN dan kelulusan YAB Menteri Besar hendaklah diperolehi terlebih dahulu.

PENJIMATAN

22. Penjimatan daripada vot pembangunan yang sama boleh dikumpulkan bagi permohonan projek baharu, tertakluk kepada perakuan daripada UPEN dan kelulusan seperti di para 21 atau 22 di atas.

PELEPASAN JABATAN TEKNIKAL

23. Pegawai Pengawal hendaklah menentukan sama ada projek pembangunan akan dilaksanakan oleh Jabatan masing-masing atau Jabatan Teknikal selewat-lewatnya sebelum atau pada **15 Februari 2020**.

24. Sekiranya projek pembangunan dilaksanakan oleh Jabatan, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan wakil Jabatan Teknikal dilibatkan dalam urusan perolehan projek berkenaan.

25. Jabatan diberikan pengecualian di bawah AP182 untuk melaksanakan sendiri projek pembangunan yang bernilai **RM1,000,000.00 dan ke bawah** secara *one-off* bagi tahun 2020 sahaja.

26. Jabatan Pelaksana yang memutuskan untuk melaksanakan sendiri projek pembangunan yang bernilai **RM1,000,000.00 dan ke bawah**, hendaklah menubuhkan **Jawatankuasa Perkhidmatan Perunding** seperti yang telah ditetapkan dalam **AP186** dan **Pekeliling Perbendaharaan (PP), PK 3 - Perolehan Perunding** serta diwakili sekurang-kurangnya oleh satu (1) orang ahli Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P & P) daripada **Jabatan Teknikal**.

BAUCAR BAYARAN

27. Tarikh akhir bagi Baucar Bayaran adalah pada **1 Disember 2020 (Selasa)**.

PEMANTAUAN PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

28. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan perancangan perbelanjaan adalah berasaskan kepada peruntukan yang diluluskan mengikut Vot Pembangunan (P) dalam Belanjawan Negeri Sembilan Tahun 2020. Perbelanjaan melebihi peruntukan yang telah diluluskan adalah tidak dibenarkan.

29. Bagi memastikan kelancaran projek pembangunan, Jabatan hendaklah memastikan bahawa prestasi perbelanjaan projek adalah seperti berikut:

TARIKH	PRESTASI PERBELANJAAN %
31 Mac 2020	10%
30 Jun 2020	50%
30 September 2020	75%
1 Disember 2020	100%

30. Prestasi perbelanjaan berdasarkan kepada tarikh yang ditetapkan pekeliling ini hendaklah dilaporkan dalam Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) Jabatan masing-masing.

TARIKH KUATKUASA

31. Garis Panduan ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya ditandatangani.

PEMBATALAN

32. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, Pekeliling Pejabat Kewangan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus, Bilangan 2 Tahun 2019 – Garis Panduan Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2020 adalah **DIBATALKAN**.

PEMAKAIAN

33. Pegawai Pengawal hendaklah menguatkuasakan segala peraturan dan tatacara kewangan seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling ini. Sebarang ketidakpatuhan kepada Pekeliling ini boleh menyebabkan Pegawai Pengawal dikenakan tindakan tatatertib atau surcaj.

34. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersekali dengan Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61), Pekeliling Perbendaharaan, Arahan Perbendaharaan, Pekeliling dan Surat Edaran Pejabat Kewangan Negeri yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

35. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa

Tempatan (PBT) dan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus.



(DATO' MOHD KHIDIR BIN MAJID)

Pegawai Kewangan Negeri
Negeri Sembilan Darul Khusus

28 Januari 2020

s.k. Pengarah
Jabatan Audit Negara
Negeri Sembilan Darul Khusus

Bendahari Negeri
Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri
Negeri Sembilan Darul Khusus

Pengarah
Jabatan Kerja Raya
Negeri Sembilan Darul Khusus

Pengarah
Jabatan Pengairan dan Saliran
Negeri Sembilan Darul Khusus



